



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطٰبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 ZULKAEDAH 1447H/ 08 MEI 2026M

“KASIH IBU, JEJAK MUKMIN MENUJU SYURGA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ التَّيَّيْنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَقَضَى رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا
كَرِيمًا.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah melakukan perkara yang *lagha* yakni melalaikan seperti berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengar khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Kasih Ibu, Jejak Mukmin Menuju Syurga.”**

HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib mengajak diri sendiri dan seluruh jamaah untuk menundukkan hati, memperlahankan jiwa, lalu

merenung sejenak tentang suatu nikmat yang amat besar dalam kehidupan insan, nikmat memiliki insan istimewa bergelar ibu. Betapa ramai manusia hanya menyedari nilai sesuatu hanya setelah kehilangannya. Betapa ramai anak yang tidak pernah benar-benar menghargai sentuhan tangan ibunya, lembut nasihatnya, sabar didikannya dan tulus doanya, melainkan setelah tangan itu kaku di pembaringan, suara itu tidak lagi menyahut panggilan dan doa itu terhenti bersama hembusan nafas terakhirnya. Sesungguhnya ibu bukan sekadar insan yang melahirkan kita ke dunia. Ibu adalah insan pertama yang mencurahkan kasih dan cinta terhadap kita sebelum sesiapa pun mengenali kita. Dialah yang memikul kita dalam rahimnya tatkala seluruh dunia belum mengetahui kewujudan kita. Bahkan dialah insan yang menanggung kesakitan demi kesakitan, kelemahan demi kelemahan dan kesukaran demi kesukaran agar anak yang dikandungnya dengan penuh kasih dapat melihat cahaya kehidupan.

Lantaran itu, Islam amat menitikberatkan soal *birr al-walidayn*, iaitu berbuat baik kepada ibu bapa, bahkan amalan ini merupakan antara ibadah yang terbesar selepas tauhid kepada Allah SWT, sebagaimana Allah SWT berfirman melalui surah al-Isra' ayat 23:

*وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا... ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa...”

Menerusi firman ini, kita dapat perhatikan bahawa Allah SWT menuntut hamba-Nya agar berbuat baik kepada ibu dan bapa sebaik sahaja Dia memerintahkan untuk mentauhidkan-Nya serta tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu. Hal ini sekali gus memberikan gambaran betapa

agungnya kedudukan mereka di sisi syarak, dan pastinya ibu memperoleh bahagian yang lebih besar daripada penghormatan ini kerana besarnya jasa dan pengorbanan yang dipikulnya.

HADIRIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,

Bukan sedikit pengorbanan seorang insan bergelar ibu. Dia mengandung dengan keletihan, dia melahirkan dengan kesakitan, dia menyusukan dengan kepenatan, dia membesarkan dengan kesabaran, dia mendidik dengan pengorbanan. Dan semua ini dilakukan bukan sehari, bukan sebulan, bukan setahun, bahkan selagi hayat dikandung badan.

Abu Hurairah *Radiallahu'anhu* meriwayatkan **yang bermaksud:**
“Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata, ‘Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berhak untuk aku berbuat baik kepadanya?’ Maka Rasulullah SAW menjawab, ‘Ibumu’. Dia bertanya lagi, ‘Kemudian siapa?’ Baginda SAW menjawab, ‘Ibumu’. Dia bertanya lagi, ‘Kemudian siapa?’ Baginda SAW menjawab, ‘Ibumu’. Dia bertanya lagi, ‘Kemudian siapa?’ Baginda SAW menjawab, ‘Kemudian ayahmu.’”
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Imam al-Nawawi *Rahimahullah* ketika mensyarahkan hadis ini menjelaskan bahawa pengulangan sebanyak tiga kali menunjukkan keutamaan ibu dalam hak untuk berbakti, layanan baik dan mesra, kelembutan dan penghormatan. Hal ini kerana ibu menanggung tiga bentuk kesusahan yang tidak ditanggung oleh seorang ayah secara langsung, iaitu kepayahan mengandung, keperitan melahirkan, kesusahan menyusukan dan membesarkan.

SIDANG JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Hakikatnya, ibu bukan sekadar pembawa zuriat, tetapi pembina umat. Dari rahim para ibulah lahirnya para ulama, pemimpin, mujahid, da'i dan pejuang agama. Di sebalik kehebatan ramai tokoh Islam, pasti berdiri seorang ibu yang solehah, yang membentuk jiwa mereka dengan didikan, doa dan pengorbanan. Namun amat mendukacitakan, dalam dunia hari ini, kemuliaan seorang ibu semakin dilupakan. Ada anak yang lebih lembut dengan orang luar daripada ibunya sendiri. Ada yang sanggup meluangkan masa berjam-jam bersama rakan dan kawan tetapi merasa berat bertanyakan khabar ibunya di kampung halaman. Ada yang sanggup berbelanja besar untuk keseronokan diri, tetapi berkira untuk membantu ibu sendiri. Bahkan ada juga yang hanya mengenang jasa ibu apabila pusaranya telah ditimbus tanah. Maka sebelum terlambat, sebelum penyesalan menjadi sia-sia, sebelum doa seorang ibu terhenti di dunia, marilah kita kembali menilai diri, sejauh manakah kita telah memuliakan insan yang menjadi sebab kewujudan kita di muka bumi ini?

Kasih ibu merupakan asas utama dalam membentuk kehidupan anak-anak yang sejahtera. Begitu juga dengan seorang bapa bertanggungjawab menjamin keselamatan dan keharmonian dalam sesebuah kekeluargaan. Kasih sayang ibu bapa bukan sekadar perasaan, tetapi satu amanah yang menjadi jalan menuju keredaan Allah SWT terhadap anak-anak. Ingat, anak-anak merupakan amanah yang sangat berharga dalam kehidupan setiap insan. Mereka berhak hidup dalam suasana yang penuh kasih sayang, keselamatan dan pendidikan yang baik. Seiring dengan itu, prinsip perlindungan kanak-kanak turut diperkukuhkan melalui peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang menekankan hak setiap kanak-kanak untuk dilindungi daripada keganasan, diskriminasi dan eksploitasi. SUHAKAM

berperanan memastikan hak asasi manusia dihormati dan dipelihara di Malaysia. Pendekatan ini selari dengan nilai kekeluargaan dalam Islam yang menuntut ibu bapa dan masyarakat menjaga kebajikan serta maruah anak-anak. Isu buli dan penderaan kanak-kanak merupakan masalah global yang memberikan kesan besar terhadap perkembangan emosi dan mental. Mangsa buli sering mengalami tekanan perasaan, hilang keyakinan diri dan berdepan risiko masalah kesihatan mental. Dalam kerangka Maqasid Syariah, perlindungan kanak-kanak dan menolak gejala buli adalah selaras dengan tujuan utama syariat Islam yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perbuatan buli jelas bercanggah dengan prinsip ini kerana buli boleh mengancam nyawa, merosakkan akal melalui tekanan emosi dan menjejaskan masa depan generasi muda.

Realiti masa kini menunjukkan bahawa masih ramai kanak-kanak menjadi mangsa buli. Kesannya buli bukan sahaja bersifat sementara, malah boleh berpanjangan hingga dewasa sehingga berlakunya gangguan kebimbangan dan kemurungan jika tidak ditangani dengan baik. Oleh itu, langkah pencegahan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan. Dalam ajaran Islam, sebarang bentuk kezaliman adalah dilarang. Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa seorang Muslim tidak boleh menzalimi saudaranya dan tidak boleh membiarkan orang lain dizalimi, sebagaimana diriwayatkan dalam sahih al-Bukhari dan sahih Muslim.

“Kasih Ibu, Jejak Mukmin Menuju Ke Syurga” bukan sekadar ungkapan, tetapi satu hakikat bahawa kasih sayang ibu yang ikhlas mampu membentuk generasi yang berakhlak mulia dan bebas daripada kezaliman. Dengan memelihara hak kanak-kanak dan menolak buli, kita

bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, malah membuka jalan menuju kehidupan yang diberkati dan diredai Allah SWT.

SIDANG JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran dan nasihat penting untuk diamalkan bersama;

Pertama: Hargailah ibu selagi belum dijemput pulang, kerana peluang berbakti akan berakhir apabila nyawanya kembali kepada Allah SWT.

Kedua: Jagalah tutur kata dan akhlak terhadap ibu, kerana kelembutan kepada ibu adalah tanda kesempurnaan iman dan kemuliaan akhlak.

Ketiga: Luangkan masa dan perhatian kepada ibu, kerana kasih sayang dan kehadiran anak lebih bernilai daripada wang ringgit, harta dan hadiah.

Keempat: Didiklah anak-anak untuk menghormati ibu bapa, agar lahir generasi yang mengenal adab, menghargai jasa dan memelihara institusi keluarga.

Kelima: Teruskan berbakti kepada ibu walaupun setelah pemergiannya, melalui doa, sedekah, amal jariah dan menyambung silaturahim dengan orang yang dikasihinya.

Keenam: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) terus memperkukuh prinsip rahmah dan ihsan bagi menggalakkan masyarakat berperanan melindungi hak kanak-kanak di Malaysia.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang yang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami

daripada sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal Hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com